



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-
20935722

PEKELILING MAJIKAN BIL. 8/99

KELULUSAN BANTUAN KEWANGAN BERASASKAN BAKI LEVI SEMASA MAJIKAN

Dengan hormatnya, saya diarah merujuk kepada [Pekeliling Majikan Bil. 3/99](#) bertarikh 22hb. Mei 1999 mengenai perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pemakaian [Pekeliling Majikan Bil. 3/99](#) ini adalah dikecualikan kepada majikan di dalam industri :- 355 - Produk Getah, 356 - Produk Plastik dan 72001 - Perkhidmatan Pos dan Kurier kerana majikan dalam industri berkenaan tidak terlibat dengan pengecualian pembayaran levi bagi kali kedua dan ketiga. Dengan demikian, kelulusan bantuan kewangan kepada majikan dalam industri berkenaan boleh dipertimbangkan sebanyak 30% melebihi dari jumlah levi yang dibayar dalam tahun semasa adalah dikekalkan.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

" **BERKHIDMAT UNTUK NEGARA** "

Saya yang menurut perintah,

(RUSNAN BIN SAMAT)
Pengarah Bahagian Geran Latihan
b/p Ketua Pengarah
Majlis Pembangunan Sumber Manusia





PEKELILING MAJIKAN BIL 3/99

KELULUSAN BANTUAN KEWANGAN BERASASKAN BAKI LEVI SEMASA MAJIKAN

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada majikan mengenai perkara-perkara berikut :

- (a) Keputusan terdahulu mengenai bantuan kewangan yang diluluskan kepada majika melebihi 30% daripada bayaran levi tahun semasa adalah ditarik balik bagi mengelakkan masalah pembayaran tuntutan majikan;
- (b) Amaun bantuan kewangan yang diluluskan bagi sesuatu permohonan adalah berasaskan baki levi semasa setelah ditolak kelulusan bantuan kewangan terdahulu yang masih belum dituntut oleh majikan;
- (c) Bagi majikan yang kehabisan levi, permohonan mereka juga akan ditolak. Permohonan mereka hanya akan dipertimbangkan sekiranya ia membatalkan kelulusan terdahulu, dan
- (d) Bagi permohonan bantuan kewangan yang ditolak kerana kehabisan levi, majikan boleh mengemukakannya semula dengan syarat latihan masih belum bermula lagi pada masa permohonan berikutnya dikemukakan.

2. LATARBELAKANG

2.1 Majlis dalam mesyuarat Bil. 3/96 pada 15 Ogos 1996 telah membuat keputusan bahawa majikan boleh diluluskan bantuan kewangan sebanyak 30% lebih daripada bayaran levi tahun semasa. Majikan kemudiannya membuat tuntutan apabila baki levi mereka mencukupi setelah membayar levi pada tahun berikutnya. Keputusan Majlis ini telah dilaksanakan dan majikan telah dimaklumkan melalui Pekeliling Majikan Bil. 7/96 bertarikh 9 November 1996. Langkah ini adalah bertujuan menggalakkan majikan bergiat dengan lebih aktif dalam melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja.

2.2 Seperti yang sedia maklum, Kerajaan telah meluluskan pengecualian pembayaran levi mulai 12 Februari 1998 sehingga 11 Ogos 1998 kepada semua majikan berdaftar dengan Majlis. Pengecualian pembayaran levi untuk enam bulan kedua dan enam bulan ketiga telah juga diluluskan oleh kerajaan yang berkuatkuasa mulai 12 Ogos 1998 sehingga 11 Februari 1999 kepada sebahagian besar majikan yang mendaftar dengan Majlis. Dalam tempoh pengecualian kali ketiga ini, hanya majikan dalam industri produk getah, produk plastik, keluaran pakaian kecuali kasut dan perkhidmatan pos & kurier sahaja dikehendaki membayar levi Pembangunan Sumber Manusia.

- 2.3 Sungguhpun majikan dikecualikan daripada membayar levi, mereka digalakkan melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja. Bagi majikan yang masih mempunyai levi, mereka boleh menggunakan baki levi mereka sepenuhnya.
- 2.4 Ini bermakna terdapat segolongan majikan yang hanya membayar levi untuk tiga bulan sahaja (Disember 1997, Januari 1998 dan Februari 1998) dalam tahun 1998 dan empat bulan (Ogos hingga November 1999) dalam tahun 1999.
- 2.5 Memandangkan latihan merupakan aktiviti berterusan, majikan tetap memberi latihan dan latihan semula kepada para pekerja demi untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka walaupun diberi pengecualian daripada membayar levi pembangunan sumber manusia.
- 2.6 Pihak Majlis menyedari hakikat bahawa majikan telah diberi kelulusan untuk menjalankan latihan tetapi tidak boleh mengemukakan tuntutan bagi mendapatkan geran latihan sama ada kerana majikan kehabisan levi atau baki levi tidak mencukupi akibat dari pengecualian pembayaran levi. Adalah menyulitkan lagi apabila tarikh terakhir untuk mengemukakan tuntutan berada dalam tempoh pengecualian.
- 2.7 Memandangkan tarikh terakhir untuk mengemukakan tuntutan bagi latihan yang dijalankan dalam tahun 1998 ialah pada 30 Jun 1999 seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Majikan Bil. 9/98 sedangkan sesetengah majikan dikecualikan daripada membayar levi sehingga 11 Ogos 1999, pihak Majlis telah mengkaji semula ketetapan ini dan menetapkan beberapa peraturan baru untuk menangani isu tersebut.

3. PERTIMBANGAN KEATAS PERMOHONAN BANTUAN KEWANGAN DARIPADA MAJIKAN

- 3.1 Berkuatkuasa mulai 1 Jun 1999, pertimbangan ke atas permohonan bantuan kewangan daripada majikan akan berasaskan kepada berikut :
- (a) Baki levi semasa majikan;
 - (b) Baki levi semasa setelah ditolak kelulusan yang telah diberikan terdahulu yang masih belum dituntut oleh majikan;
 - (c) Bagi majikan yang kehabisan levi, permohonan mereka akan ditolak. Sekiranya majikan mempunyai baki levi tetapi baki levi ini hanya mencukupi untuk menampung kelulusan terdahulu, permohonan mereka juga akan ditolak. Permohonan mereka hanya akan dipertimbangkan sekiranya majikan membatalkan kelulusan terdahulu; dan
 - (d) Bagi permohonan bantuan kewangan yang ditolak kerana kehabisan levi, majikan boleh mengemukakan semula dengan syarat latihan masih belum bermula lagi pada masa permohonan berikutnya dikemukakan.
- 3.2 Bagi mengelakkan wujudnya keadaan permohonan bantuan kewangan majikan ditolak kerana ketiadaan levi, majikan adalah dinasihatkan memaklumkan kepada Urusetia Majlis bagi program-program latihan yang telah diluluskan tetapi dibatalkan pelaksanaannya supaya rekod baki levi dalam komputer Majlis dapat dikemaskinikan

dan pemprosesan permohonan geran latihan yang dikemukakan akan dapaturus dan diberi pertimbangan dengan lancar.

4. Penutup

Pekeliling Majikan ini berkuatkuasa mulai 1 Jun 1999

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"LATIHAN TERANCANG TUNGGAK KECEMERLANGAN"

Saya yang menurut perintah,

(RUSNAN BIN SAMAT)
Pengarah Bahagian Geran Latihan
Ketua Pengarah,
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

